

NO SOALAN :31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.05.2015

Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab mengapa setakat ini masih belum ada perancangan untuk mengharamkan penjualan samsu murah (cheap liquor) ini walaupun wujudnya pelbagai akta dan undang-undang namun kadar penyalahgunaannya di kalangan warganegara Malaysia terutama sekali di kalangan etnik India dan bukan warganegara masih begitu tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya minuman beralkohol dikenal pasti sebagai produk yang memudharatkan kesihatan, mengakibatkan gejala sosial dalam masyarakat dan dianggap sebagai *sin products*. Walaubagaimanapun, dalam masyarakat majmuk yang terdiri daipada pelbagai kaum dan etnik di Malaysia adalah sukar bagi Kerajaan untuk mengharamkan penjualannya.

2. Namun demikian, menyedari kemudharatannya terhadap kesihatan dan produktiviti Rakyat, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah alternatif bagi mengawal kebolehcapaian produk tersebut dan juga penawarannya bertujuan mengelakkan penyalahgunaannya.

3. Ahli Yang Berhormat, pengilangan arak di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Eksais 1976. Di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 menyatakan aktiviti yang melibatkan pengilangan minuman keras perlu dilesenkan. Sejak tahun 2006, Kerajaan telah membekukan pengeluaran lesen pengilangan minuman keras.

4. Selain itu, di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983, KKM telah menetapkan syarat kepada standard pelabelan dan pembungkusan arak, larangan penjualan kepada mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun dan juga larangan mempamerkan bagi jualan apa-apa minuman beralkohol bersama dengan makanan lain. Ini adalah untuk mengawal kebolehcapaian arak kepada masyarakat.

5. Bagi aktiviti penjualan dan pengedaran minuman keras pula adalah tertakluk kepada Seksyen 35 Akta Eksais 1976, dimana syarikat yang menjalankan aktiviti tersebut perlu mendapatkan lesen daripada Lembaga Pelesen bagi setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Lesen-lesen yang dikeluarkan Lembaga Pelesen adalah Lesen Rumah Awam, Lesen Rumah Bir, Lesen Jualan Runcit dan Lesen Jualan Borong.

6. Melalui Garis Panduan Penapisan Filem 1996 pula, penyiaran iklan minuman keras adalah dilarang dalam siaran televisyen Kerajaan dan swasta. Selain itu, penerbitan iklan minuman keras ke atas media cetak adalah dikawal secara pentadbiran melalui Akta Mesin Cetak 1984.

Kawalan ini hanya tertakluk kepada penerbitan berbahasa Malaysia sahaja atas sebab sensitiviti kaum.